

3756/2
PRINSIP
PERAKAUNAN
KERTAS 2
SEPTEMBER 2024
2 JAM 30 MINIT

NO KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)

MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2024

PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 2
MASA : DUA JAM TIGA PULUH MINIT

ARAHAN:

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
5. **Tunjukkan kerja mengira**. Ini membantu anda mendapatkan markah.
6. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik

Kertas soalan ini mengandungi **11** halaman bercetak

1 (a)

Permata Sdn. Bhd. telah beroperasi selama 5 tahun. Pada 31 Disember setiap tahun, syarikat menghantar penyata kewangan untuk diaudit dan mengharapkan terus berkembang maju di masa hadapan.

Nyatakan dua andaian perakaunan yang diamalkan bagi situasi diatas. [2 markah]

(b) Dokumen berikut berkaitan dengan DINSports ENTERPRISE.

SALINAN	NOTA KREDIT	NO: 101		
DINSports ENTERPRISE Lot 443, Lorong Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu, Kelantan. Tarikh: 30 Julai 2024 Kepada SMK Kubang Kerian, Jalan Raja Perempuan Zainab 2, Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu, Kelantan				
Bil	Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Bola Baling (Barang dipulangkan kerana kesilapan saiz)	2	100	200.00
				200.00
	Tolak: Diskaun niaga			0.00
	JUMLAH			200.00
(Ringgit Malaysia: dua ratus sahaja <u> </u> (Pengurus)				

Sediakan Jurnal yang sesuai bagi dokumen berkenaan.

[2 markah]

- (c) Kelab Futsal mempunyai 65 orang ahli pada 30 Jun 2024. Yuran tahunan sebanyak RM 150 seorang.

Akaun Yuran

Tarikh	Butiran	Jumlah	Tarikh	Butiran	Jumlah
2023			2023		
Julai 1	Yuran belum terima	300	Julai 1	Yuran belum terperoleh	150
2024			2024		
Jun 30	Pendapatan dan Perbelanjaan	X	Jun 30	Bank	Y
	Yuran belum terperoleh	300		Yuran belum terima	450

Hitung X dan Y?

[2 markah]

- (d) Nyatakan ciri-ciri koperasi.

[2 markah]

- (e) Nyatakan butiran yang dicatat di Penyata Bank tetapi tidak dicatat di Buku Tunai.

[2 markah]

- 2 Butiran berikut diperolehi daripada Glamping Canvas Sdn. Bhd. sebuah kilang yang mengeluarkan Camping Tent pada 31 Ogos 2024.

	1 September 2023 RM	31 Ogos 2024 RM
Inventori bahan langsung	26 640	40 560
Inventori barang siap	34 560	21 340
Kerja Dalam Proses:		
Bahan langsung	2 100	1 900
Kos buruh langsung	800	700
Kos overhead	600	300
Akaun Belum Bayar Bahan Langsung	10 310	9 800
Insurans kilang prabayar	270	480

Urusniaga berikut berlangsung sepanjang tahun berakhir 31 Ogos 2024

	RM
Belian tunai bahan langsung	45 550
Belian barang siap	28 670
Angkutan masuk bahan langsung	1 870
Cap Dagangan	3 850
Upah langsung	24 000
Gaji pengurus kilang	27 340
Gaji pengurus pemasaran	17 000
Sewa bangunan	28 000
Insurans kilang	2 400
Kadar bayaran	5 700
Alat-alat Kecil	1 690
Mesin (kos)	95 000
Susutnilai terkumpul mesin	19 000
Peralatan kilang (di peroleh pada 3 Disember 2023)	22 000
Jualan	345 000

Maklumat tambahan:

- (i) Sepanjang tempoh perakaunan Akaun Belum Bayar telah dijelaskan sebanyak RM24 260.
- (ii) Gaji pengurus kilang belum bayar RM1 500
- (iii) Pulangan belian barang siap tidak di catat RM1 130
- (iv) Agihan perbelanjaan kilang dan pejabat diagihkan mengikut nisbah berikut:

Sewa bangunan	4 : 1
Kadar bayaran	3 : 1

- (v) Aset bukan semasa disusut nilai seperti berikut:

Mesin	10% setahun kaedah baki berkurangan
Peralatan kilang	20% setahun atas kos

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Bayar Bahan Langsung [3 markah]
- (b) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024 [17 markah]
- (c) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024 [5 markah]

3 Berikut adalah maklumat perniagaan tunggal Encik Hashim pada 31 Ogos 2024.

	1 September 2023	31 Ogos 2024
	RM	RM
Alatan pejabat (kos)	27 000	?
Susut nilai terkumpul alatan pejabat	10 200	?
Bank	1 050	?
Inventori	17 300	14 500
Kadar bayaran belum bayar	410	440
Akaun Kawalan Belum Bayar	19 900	13 600
Akaun Kawalan Belum Terima	15 800	18 100

Buku Tunai (Petikan)

Butiran	RM	Butiran	RM
Akaun Belum Terima	132 230	Alatan pejabat	4 800
		Belanja am	14 050
		Kadar bayaran	4 700
		Ambilan	4 000
		Sewa	16 800
		Akaun Belum Bayar	86 610

Maklumat tambahan:

- Pulangan masuk RM 570.
- Sewa prabayar RM2 400.
- Ambilan barang niaga RM 200 sebulan untuk kegunaan keluarga.
- Peruntukkan hutang ragu ialah pada kadar 2% atas Akaun Belum Terima.
- Perniagaan membeli alatan pejabat baharu pada 2 Februari 2024 dan disusut nilai 10% setahun dengan kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Kawalan Belum Terima [5 markah]
- Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024. [12 markah]
- Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2024. [8 markah]

- 4 Mimi dan Lana ialah pekongsi dalam perniagaan Perkongsian Mina. Ikatan Perjanjian Perkongsian mereka telah menetapkan perkara berikut:

- (i) Untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah 3 : 1
- (ii) Faedah 6% setahun dikenakan atas ambilan pekongsi.
- (iii) Gaji tahunan Mimi berjumlah RM24 000.
- (iv) Faedah atas pinjaman pekongsi ialah 8% setahun.
- (v) Elaun bulanan Lana berjumlah RM500 bermula bulan Mac 2024.
- (vi) Faedah atas modal 10% setahun.

Berikut ialah Imbangan Duga Perkongsian Mina pada 31 Ogos 2024.

	Debit	Kredit
Akaun Modal : Mimi		75 000
Lana		25 000
Akaun Semasa : Mimi		5 800
Lana	1 200	
Ambilan : Mimi (1 Jun 2024)	2 000	
Lana	3 000	
Simpanan Tetap (3 % setahun)	20 000	
Perabot	18 000	
Susut nilai terkumpul perabot		2 700
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	13 500	11 000
Untung Kasar		106 485
Sewa	8400	
Faedah Atas Simpanan		400
Pinjaman dari Mimi		8 000
Kadar bayaran	3850	
Gaji Mimi	14 000	
Gaji Pekerja	24 500	

Maklumat Tambahan

- (i) Perabot disusutnilaikan pada kadar 15 % mengikut kaedah baki berkurangan.
- (ii) Kadar bayaran dibayar untuk 11 bulan.
- (iii) Sewa dibayar untuk setahun berakhir pada 31 Oktober 2024.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024. [6 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024. [6 markah]
- (c) Akaun Semasa Mimi dan Lana (Beruangan). [8 markah]

- 5 (a) Selepas Diba Enterprise menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024, beberapa kesilapan telah ditemui;
- i) Belian barang niaga bernilai RM2 500 daripada Syarikat Beria terlupa direkod dalam mana-mana buku
 - ii) Jualan RM 650 kepada Aqeela dicatat sebagai RM 605 ke dalam ke dua-dua akaun
 - iii) Belanja membaiki alatan pejabat RM 550 telah di debitkan ke akaun alatan pejabat
 - iv) Pulangan barang niaga RM 270 kepada Pembekal Amir telah didebit ke akaun Pembekal Amirul
 - v) Bayaran komisen RM1 200 kepada Gen Enterprise dengan cek telah didebitkan ke akaun bank dan di kreditkan ke akaun komisen

Anda dikehendaki menyediakan catatan jurnal untuk membetulkan kesilapan tersebut.
(keterangan tidak diperlukan) [10 markah]

- 5 (b) Perniagaan Roff Café bercadang untuk menjual Minuman Kopi di Tunjung Mall Kota Bharu. Anggaran kos dan hasil untuk pengeluaran tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Sewa Kiosk	1 500
Mesin pembancuh	6 500
Cawan dan Plastik (<i>seunit</i>)	0.50
Serbuk Kopi (<i>seunit</i>)	0.80
Susu (<i>seunit</i>)	1.30
Harga Jualan	6.60

Anda dikehendaki menghitung:

- i) Kos Berubah seunit [1 markah]
- ii) Jumlah kos tetap [1 markah]
- iii) Titik Pulang Modal [2 markah]
- iv) Kuantiti cawan minuman yang perlu dijual untuk mendapatkan keuntungan RM4 000 [2 markah]

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



5 (c) Berdasarkan jawapan di 5 (b) lakarkan graf Titik Pulang Modal

- (i) Garisan kos tetap [1 markah]
- (ii) Garisan jumlah kos [1 markah]
- (iii) Garisan jumlah hasil [1 markah]
- (iv) Titik Pulang Modal [1 markah]

6 Berikut merupakan Penyata Kewangan Arena Sdn. Bhd. dan Abyan Sdn. Bhd. yang menjalankan perniagaan menjual pakaian bagi tahun berakhir 31 Julai 2024

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2024

	Arena Sdn. Bhd.		Abyan Sdn. Bhd.	
	RM	RM	RM	RM
Jualan		90 000		120 000
Tolak: Kos Jualan				
Inventori awal	16 000		13 900	
Tambah : Belian	<u>49 800</u>		<u>63 900</u>	
	65 800		77 800	
Tolak: Inventori Akhir	<u>12 600</u>		<u>10 650</u>	
Kos Jualan		<u>53 200</u>		<u>67 150</u>
Untung Kasar		36 800		52 850
Tambah: Hasil		<u>10 000</u>		<u>15 200</u>
		46 800		68 050
Tolak: Belanja		<u>15 780</u>		<u>26 700</u>
Untung Bersih		<u>31 080</u>		<u>41 350</u>

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2024

	Arena Sdn. Bhd.		Abyan Sdn. Bhd.	
	RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa				
Perabot		50 000		80 500
Lengkapan		<u>25 200</u>		<u>12 500</u>
		75 200		93 000
Aset Semasa				
Inventori Akhir	12 600		10 650	
Akaun Belum Terima	7 500		6 430	
Bank	<u>10 570</u>		<u>11 300</u>	
	30 670		28 380	
Tolak: Liabiliti Semasa				
Akaun Belum Bayar	<u>10 520</u>		<u>7 890</u>	
Modal Kerja		<u>20 150</u>		<u>20 490</u>
		<u>95 350</u>		<u>113 490</u>
Ekuiti Pemilik				
Modal Awal		66 770		75 490
Tambah : Untung Bersih		<u>31 080</u>		<u>41 350</u>
		97 850		116 840
Tolak: Ambilan		<u>2 500</u>		<u>3 350</u>
Modal Akhir		<u>95 350</u>		<u>113 490</u>

Anda dikehendaki:

(a) Mengira nisbah-nisbah yang berikut untuk kedua-dua perniagaan.

(beri jawapan dalam dua tempat perpuluhan)

- i) Peratus Untung Bersih atas Jualan [4 markah]
- ii) Pulangan atas Modal [4 markah]
- iii) Nisbah Semasa [4 markah]
- iv) Kadar Pusing Ganti Inventori (bilangan kali) [4 markah]

(b) Nyatakan perniagaan manakah yang menawarkan pelaburan terbaik.

Berikan satu alasan [2 markah]

(c) Perniagaan manakah mempunyai kedudukan kewangan yang stabil

Dalam jangka masa pendek. Berikan satu alasan. [2 markah]